



Universiti Malaysia
KELANTAN

2022

INPUT POLISI

**PENYELESAIAN KEMISKINAN
SITUASI UNTUK KEPERLUAN
PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN)**

PASUKAN PENYELIDIK

Prof. Dr. Wan Ahmad Amir Zal Bin Wan Ismail (Ketua Projek)
Dr. Wan Nornajwa Binti Wan Othman
Prof. Madya Ts. Dr. Zailani Bin Abdullah
Prof. Madya Dr. Azwan Bin Abdullah
Dr. Tengku Fauzan Bin Tengku Anuar
Dr. Nurhanan Binti Abdul Rahman
Dr. Tuan Muhammad Zukri Bin Tuan Sembok
Encik Hafizi Bin Mat Salleh
Puan Siti Asma Binti Md Rasdi

INPUT POLISI PENYELESAIAN KEMISKINAN SITUASI UNTUK KEPERLUAN PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN)

Pasukan penyelidik:

Prof. Dr. Wan Ahmad Amir Zal Bin Wan Ismail (Ketua Projek)
Dr. Wan Nornajwa Binti Wan Othman
Prof. Madya Ts. Dr. Zailani Bin Abdullah
Prof. Madya Dr. Azwan Bin Abdullah
Dr. Tengku Fauzan Bin Tengku Anuar
Dr. Nurhanan Binti Abdul Rahman
Dr. Tuan Muhammad Zukri Bin Tuan Sembok
Encik Hafizi Bin Mat Salleh
Puan Siti Asma Binti Md Rasdi

KANDUNGAN

PERKARA	HALAMAN
A. RINGKASAN EKSEKUTIF	1
B. PENGENALAN	2
a. Latar Belakang	2
b. Pertimbangan struktural	3
C. REALITI KEMISKINAN SITUASI SEMASA WABAK COVID-19	7
a. Cabaran yang dihadapi untuk keluar dari kemiskinan situasi	7
b. Cadangan input polisi bagi penyelesaian kemiskinan situasi untuk keperluan Pelan Pemulihan Negara (PPN)	14
D. PENUTUP	22

INPUT POLISI PENYELESAIAN KEMISKINAN SITUASI UNTUK KEPERLUAN PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN)

A. RINGKASAN EKSEKUTIF

Impak wabak COVID-19 telah membentuk satu jenis kemiskinan yang jarang kita sedari, iaitu kemiskinan situasi atau *situational poverty*. Apa yang dibimbangkan ialah terbentuknya kemiskinan situasi dalam skala besar di Malaysia. Andaiannya ini ada asasnya, kerana menurut World Bank, dijangkakan seramai 40 juta hingga 60 juta pertambahan individu menjadi miskin di seluruh dunia akibat dari wabak COVID-19. Dengan mempertimbangkan senario tersebut, kertas ini memberi tumpuan untuk 1) menganalisis cabaran yang dihadapi untuk keluar dari kemiskinan situasi; dan 2) menyediakan cadangan input polisi bagi penyelesaian kemiskinan situasi untuk keperluan Pelan Pemulihan Negara (PPN). Berkaitan dengan cabaran yang dihadapi oleh kelompok miskin situasi untuk keluar dari kemiskinan situasi, kertas ini mendapati sembilan (9) cabaran utama yang dihadapi dan diperolehi daripada pelbagai pemegang taruh. Kertas ini turut memberi cadangan input polisi bagi penyelesaian kemiskinan situasi untuk keperluan Pelan Pemulihan Negara (PPN). Secara berstruktur dengan mengelompokkan kepada tiga (3) tempoh masa yang berbeza, iaitu 1) jangka masa pendek (1 hingga 6 bulan), 2) jangka masa sederhana (7 hingga 12 bulan), dan 3) jangka masa panjang (setahun dan lebih). Senarai cadangan ini adalah untuk dipertimbangkan dan dimasukkan ke dalam Pelan Pemulihan Negara (PPN).

B. PENGENALAN

a. Latar Belakang

Impak wabak COVID-19 telah memaksa kerajaan untuk mengisytiharkan perintah kawalan pergerakan (PKP). Natiujahnya telah membentuk satu jenis kemiskinan yang jarang kita sedari, iaitu kemiskinan situasi atau '*situational poverty*'. Andaian kebimbangan awal ialah akan terbentuk kemiskinan situasi dalam skala besar di Malaysia. Lebih memeritkan ia dijangkakan berlaku dalam bentuk massa.

Andaianya ini ada asasnya, kerana menurut World Bank, dijangkakan seramai 40 juta hingga 60 juta pertambahan individu menjadi miskin di seluruh dunia akibat dari wabak COVID-19. Jumlah tersebut menyumbang sebanyak 0.3 peratus hingga 0.7 peratus kepada peratusan kemiskinan global, dan menjadikan 9 peratus kemiskinan global.

Apakah itu kemiskinan situasi? Ia adalah seseorang itu miskin disebabkan oleh wabak COVID-19. Antara cara pembentukannya ialah dengan menjejaskan pendapatan, kehilangan pekerjaan atau mendapat gaji separuh. Walaubagaimanapun, perlu disedari bahawa kemiskinan situasi ini kebiasaannya berlaku dalam tempoh sementara sahaja.

Siapakah yang terkesan? Inilah keunikan kemiskinan situasi di mana ia bukan hanya berlaku pada kelompok yang sedia miskin, iaitu individu dengan pendapatan isi rumahnya di bawah RM2,208 sebulan atau miskin bergenerasi (*generational poor*) sahaja. Sebaliknya juga melibatkan kelompok berpendapatan rendah (pendapatan RM2,208 hingga RM4,850 sebulan), kelompok pendapatan pertengahan (RM4,851-RM10,970 sebulan) atau dikenali sebagai M40.

Sebelum kita meneliti lebih lanjut tentang kemiskinan situasi, adalah tepat jika diperhatikan terlebih dahulu senario semasa ekonomi sepanjang wabak COVID-19. *Malaysian Institute of Economic Research* (MIER) menjangkakan sebanyak 951,000 orang akan kehilangan pekerjaan yang mana sebanyak 647,000 orang adalah dari kalangan pekerja yang tidak mahir dan 303,000 orang pekerja mahir.

Jika dikhususkan kesannya ke atas sektor Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), kesan COVID-19 menyebabkan sebanyak 95 peratus PKS berhadapan dengan penurunan dalam jualan, 80 peratus tutup sementara; dan 93 peratus perniagaan tidak stabil selama 6 bulan. Juga, PKS bukan sahaja tidak dapat meneruskan aktiviti perniagaan rutin mereka, tetapi ada kemungkinan mereka akan berhadapan dengan